

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN ASMAK BINTI HUSIN

TARIKH : 21 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Puan Asmak Binti Husin minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan tindak balas Kerajaan terhadap laporan tentang hak kanak-kanak di Malaysia oleh *Child Rights Coalition Malaysia* (Gabungan Hak Asasi Kanak-Kanak Malaysia) yang didapati mempunyai fakta yang meragukan tentang Malaysia dan langkah untuk mengatasi isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan telah mengambil maklum akan pemerhatian dan syor-syor yang dinyatakan dalam Laporan Status Hak Kanak-Kanak di Malaysia 2019 yang telah diterima secara rasmi daripada *Child Rights Coalition Malaysia* (CRCM) pada 19 November 2020 yang lepas.

Dalam hal ini, Kerajaan menghargai usaha mana-mana pertubuhan bukan Kerajaan (NGO) di lapangan yang memainkan peranan sebagai entiti bebas (*watch-dog*) dalam menyediakan laporan pemerhatian sebagai semakan dan imbalan ke atas inisiatif Kerajaan untuk memelihara kepentingan terbaik kanak-kanak.

Pada masa yang sama juga, Kerajaan turut melihat pihak NGO sebagai sektor ketiga dalam penyampaian perkhidmatan alternatif kepada masyarakat terutamanya dalam sektor yang tidak dapat dipenuhi oleh Kerajaan.

Oleh itu, kerjasama antara Kerajaan dan NGO adalah sinergi yang perlu dalam memberi advokasi kepada masyarakat bagi memelihara kepentingan terbaik kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan amat menghargai kebimbangan Yang Berhormat Senator berkaitan fakta dalam laporan yang dilihat tidak tepat dan bercanggah. Dalam hal ini, sebarang percanggahan fakta atau maklumat yang kurang tepat akan ditangani melalui proses penyerahan dan pembentangan Laporan Negara kepada Jawatankuasa CRC kelak. Dijangkakan Laporan Negara akan dikemukakan kepada Jawatankuasa CRC pada awal tahun 2021.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN NURIDAH BINTI MOHD SALLEH

TARIKH : 21 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Puan Nuridah binti Mohd Salleh minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan mekanisme Kerajaan bagi mewujudkan undang-undang khusus dalam menangani isu penderaan dan pengabaian golongan warga emas sebagai persediaan menghadapi status negara tua 2035.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Malaysia akan berstatus sebagai sebuah negara tua pada tahun 2030. Antara persiapan yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian adalah memperkasa aspek perundangan menerusi pelaksanaan satu Kajian Kandungan, Pendekatan dan Skop Bagi Pewujudan Satu Akta Khusus Untuk Warga Emas di Malaysia.

Kajian yang mengambil masa selama 15 bulan ini telah bermula pada 3 September 2019 dan sepatutnya berakhir pada 3 Disember 2020.

Walau bagaimanapun, tempoh Kajian ini telah dilanjutkan sehingga 2 Jun 2021 memandangkan aktiviti pengumpulan data telah terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada Mac 2020.

Pemantauan pelaksanaan Kajian ini melibatkan dua jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Teknikal Kajian dan Jawatankuasa Pemandu Kajian yang dianggotai oleh pelbagai kementerian, jabatan dan agensi yang berkepentingan.

Badan pertubuhan bukan kerajaan dan individu turut dilibatkan dalam proses pengumpulan data menerusi (dengan izin) focus group discussion dan in depth interview.

Hasil Kajian dan draf Rang Undang-Undang Warga Emas juga akan turut dibentangkan kepada Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara. Kementerian juga berhasrat melaksanakan sesi libat urus dengan pihak negeri sebelum Rang Undang-Undang Warga Emas dibentangkan di Parlimen.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN
DEWAN NEGARA MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : PUAN RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI

TARIKH : 21 DISEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah status pencapaian Pelan Tindakan OKU 2016-2022 serta adakah pihak Kementerian akan mengkaji semula pelan tindakan supaya lebih realistik untuk dilaksanakan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya (PTOKU) dilaksanakan bermula tahun 2016 sehingga tahun 2022 dan melibatkan 107 program berserta dengan indikator pengukuran prestasi. Pelan ini masih lagi berjalan dan dilaksanakan oleh kementerian/agensi pelaksana yang terlibat.

Pelaksanaan program di bawah PTOKU turut dipantau oleh enam (6) jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) yang akan bermesyuarat sebanyak tiga (3) kali setahun. Laporan kemajuan diedarkan kepada ahli Majlis untuk disemak dan diperhalusi semasa mesyuarat MKBOKU diadakan.

Bagi program-program yang dilaksanakan secara terus oleh Kementerian, program-program di bawah teras strategik yang dikenal pasti merupakan sasaran kerja tahunan bagi bahagian dan agensi yang berkaitan.

Sebagai contoh, di bawah teras strategik dua iaitu memperkasa ekonomi golongan OKU, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sentiasa meningkatkan kualiti dan keberkesanan perkhidmatan sokongan seperti pelaksanaan program *Job Coach*. Bagi tahun 2020, sebanyak 178 OKU bekerja melalui *Job Coach* dan bilangan terkumpul sehingga kini adalah seramai 1,397 orang.

Manakala bagi teras strategik tiga iaitu meningkatkan akses OKU kepada pendidikan, Kementerian memperluas program pendidikan awal kanak-kanak kepada kanak-kanak OKU menerusi bantuan geran bagi penubuhan TASKA OKU. Pada masa kini terdapat 13 buah TASKA OKU yang beroperasi.

Kementerian juga berhasrat untuk melaksanakan semakan ke atas PTOKU pada tahun 2021 agar pelan tindakan tersebut selari dengan perancangan semasa Kerajaan seperti Wawasan Kemakmuran Bersama dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

SOALAN NO. : 32

Kementerian ingin menyeru agar OKU atau ibu bapa / penjaga anak-anak OKU untuk berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Data bilangan sebenar OKU amat membantu pihak Kerajaan untuk merangka, memperkemas dan melaksanakan program-program kepada OKU.

Kementerian juga percaya dengan kerjasama yang lebih erat dan penglibatan aktif daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator akan dapat mempercepat usaha ke arah meningkatkan penyertaan penuh OKU dalam masyarakat.